

08 JUL 1999

MCA MELATIH PEMIMPIN WANITA DI DAERAH BUAT PERMULAAN, KATA DR LING

IPOH, 8 Julai (Bernama) -- MCA sedang melatih lebih ramai pemimpin-pemimpin wanita di peringkat daerah dan majlis sebelum menurunkan mereka di peringkat negeri dan kebangsaan, kata Presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, hari ini.

Beliau berkata, bilangan calon wanita di Dewan-dewan Undangan Negeri dan Parlimen adalah mencukupi dan parti itu belum memutuskan untuk menambah bilangan mereka dalam pilihan raya akan datang.

"Bagaimanapun, jika ada calon-calon wanita yang sesuai kita akan mencalonkan mereka," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri Ulangtahun ke 60 Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Kinta di sini, malam tadi.

Mengenai sayap wanita MCA mencalonkan ketuanya Datuk Tan Gaik Kwan bagi jawatan naib presiden, Dr Ling berkata beliau akan hanya mengulas perkara itu selepas pencalonan Isnin depan.

Sebelum itu dalam ucapannya, beliau memberitahu peniaga-peniaga kecil supaya jangan membuat pemilihan salah dalam pilihan raya akan datang sehingga presiden PAS Nik Aziz Nik Mat menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata, mereka perlu sedar yang sebab utama pemulihan ekonomi begitu cepat ialah kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang disegani, pandangan jauh dan berani mengambil langkah-langkah tegas dan inovatif menghadapi masalah ekonomi paling teruk sejak kemerdekaan negara.

-- BERNAMA.

HK PR